



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***RETORIK SEBAGAI STRATEGI PENULISAN BUKU ILMIAH DALAM
BAHASA MELAYU***

NURUL FADZLIN BINTI MOHD ASRI

FBMK 2022 49



**RETORIK SEBAGAI STRATEGI PENULISAN BUKU ILMIAH DALAM
BAHASA MELAYU**

Oleh

NURUL FADZLIN BINTI MOHD ASRI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 2022

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Khas buat pencinta ilmu...



© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

RETORIK SEBAGAI STRATEGI PENULISAN BUKU ILMIAH DALAM BAHASA MELAYU

Oleh

NURUL FADZLIN BINTI MOHD ASRI

Januari 2022

Pengerusi : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Retorik dan penghasilan buku ilmiah yang diterbitkan oleh penerbit di universiti awam dan institusi kerajaan atau Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) boleh menjadi strategi penulisan dalam proses penerbitan buku ilmiah tetapi tidak mendapat perhatian umum. Malah, kajian tentang retorik dan penerbitan buku ilmiah di negara ini, masih kurang dilakukan dan kurang diberikan tumpuan walaupun genre ilmiah ini berfungsi merekodkan kepakaran dalam bidang yang khusus untuk dikongsikan sebagai keperluan golongan pembaca. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis retorik yang diaplikasikan dalam buku ilmiah berbahasa Melayu yang ada kaitannya dengan strategi penulisan dan menganalisis pengaplikasian retorik dalam buku ilmiah tersebut berpandukan Teori Retorik Moden oleh Enos & Brown (1993). Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan membuat pemerhatian secara langsung di Penerbit MAPIM bagi meninjau secara langsung realiti penerbitan buku ilmiah yang berpotensi dipilih sebagai sampel kajian di penerbit ahli MAPIM yang terlibat. Kemudian, kaedah analisis teks digunakan untuk membuat pencerakinan dan analisis mendalam terhadap jenis ayat yang mengandungi pengaplikasian retorik dalam (2) buah buku ilmiah berbahasa Melayu terpilih. Seterusnya, (2) orang penulis buku ilmiah terbitan MAPIM ditemu bual sebagai informan bagi tujuan pengukuhan data analisis. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa buku ilmiah (1) telah mencatat sebanyak 59 (36%) pengaplikasian retorik Deskriptif, 80 (50%) retorik Eksposisi, 21 (13%) retorik Argumentatif dan 2 (1%) retorik Persuasif. Buku ilmiah (2) mencatat sebanyak 152 (60%) pengaplikasian retorik Deskriptif, 52 (21%) retorik Argumentatif, 41 (16%) retorik Eksposisi dan 8 (3%) retorik Persuasif. Dapatan kajian ini selaras dengan objektif utama penerbit ahli MAPIM untuk memastikan produk pengembangan kesarjanaan golongan sasaran dapat ditawarkan melalui buku ilmiah yang berkualiti.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

RHETORIC AS A STRATEGY FOR WRITING SCHOLARLY BOOKS IN MALAY

By

NURUL FADZLIN BINTI MOHD ASRI

January 2022

Chairman : Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The rhetoric and production of scholarly books published by publishers in public universities and government institutions or the Malaysian Scholarly Publishing Council (MAPIM) can be a writing strategy in the process of publishing scholarly books but do not get public attention. In fact, there is just a small number of research on the rhetoric and publication of scholarly books done in the country, and it is less focused despite the fact that this scholarly genre serves to record about the expertise in specified fields to be shared accordingly to the readers' needs. Thus, this study aims to identify the types of rhetoric applied in Malay-language scholarly books that are related to writing strategies and analyze the application of rhetoric in the scholarly books based on Modern Rhetoric Theory by Enos & Brown (1993). The initial method of this study was done by making direct observations on selected MAPIM member publishers to directly review the reality of the publication of scholarly books that have the potential to be selected as the study sample. Then, the text analysis method is used to make an in-depth analysis of the types of sentences that contain the application of rhetoric in (2) selected Malay-language scholarly books. Next, (2) scholarly book authors were interviewed as informants for the purpose of consolidating the data analysis. The findings of this study indicate that the scholarly book (1) has a total of 59 (36%) applications of Descriptive rhetoric, 80 (50%) Expository rhetoric, 21 (13%) Argumentative rhetoric and 2 (1%) persuasive rhetoric. Scholarly book (2) recorded as many as 152 (60%) applications of Descriptive rhetoric, 52 (21%) Argumentative rhetoric, 41 (16%) Exposition rhetoric and 8 (3%) Persuasive rhetoric. The findings of this study are in line with the main objective of MAPIM member publishers to ensure that the products serve to develop the target group & scholarship can be offered through qualified scholarly books.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya sungguhpun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Di kesempatan ini, saya ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Sharil Nizam Sha'ri, Prof. Madya Dr. Rohaidah Kamaruddin, Dr. Rozita Che Rodi dan Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah sebagai penyelia utama dan penyelia bersama. Segala curahan ilmu, sokongan, dan bimbingan yang diberikan penyumbang kepada penulisan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan para ilmuan ini telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pelapis ilmu mereka yang baik.

Terima kasih kepada Profesor Dr. Sarjit Singh Darshan Singh (UPM) dan Dr. Hj. Jamaie Hj. Hamil (UKM) selaku informan yang mewakili penulis buku ilmiah terbitan ahli MAPIM yang dipilih sebagai sampel kajian tesis ini. Keduanya memberi sokongan penuh dan memudahkan proses mendapatkan data sewaktu sesi temu bual dijalankan. Syukur. Segala maklumat yang diperoleh dapat saya manfaatkan bagi tujuan memantapkan dapatan analisis.

Terima kasih kepada kedua ibu bapa yang saya hormati, Encik Mohd Asri bin Abdul Mubin dan Puan Rodziah binti Mohd YuneH atas titipan doa yang tidak pernah putus sepanjang diri ini berada di dalam dunia akademik, keberkatan dan keredaan kalian merestui perjalanan ini. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat disanjung dan diingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyempurnakan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan medium perantaraan ilmu yang berguna bagi membuka minda masyarakat. Diharapkan agar segala usaha dalam menghasilkan tesis ini dapat memberikan sumbangan kepada dunia linguistik khususnya bidang retorik dan penerbitan di negara ini. Semoga keberkatan Ilahi turut diperoleh dan tesis ini dapat memberi manfaat kearah membuka jendela dunia.

Nurul Fadzlin binti Mohd Asri,
Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rohaidah binti Kamaruddin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rozita binti Che Rodi, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Ogos 2022

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nurul Fadzlin binti Mohd Asri, GS55015

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Sharil Nizam bin Sha'ri

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Rohaidah binti Kamaruddin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Dr. Rozita binti Che Rodi

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	4
1.6.1 Penulis	4
1.6.2 Pembaca	5
1.6.3 Ahli MAPIM	5
1.7 Batasan Kajian	6
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Retorik	7
1.8.2 Strategi Penulisan	9
1.8.3 Ahli MAPIM	10
1.9 Kesimpulan	11
2 SOROTAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Sejarah Perkembangan Retorik	12
2.3 Kajian Retorik dalam Kepelbagaian Genre Penulisan	14
2.4 Perkaitan Sorotan Literatur dengan Kajian	22
2.5 Kesimpulan	22
3 METODOLOGI KAJIAN	23
3.1 Pengenalan	23
3.2 Reka Bentuk Kajian	23
3.3 Kaedah Kajian	23
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	24
3.4.1 Analisis Teks Deskriptif	24
3.4.2 Temu bual Separa Berstruktur	25
3.5 Teknik Persampelan Bertujuan	25

3.6	Strategi Capaian Sampel Buku Ilmiah Berbahasa Melayu	26
3.7	Penjelasan Terhadap Konsep Teori Retorik Moden Enos dan Brown (1993)	30
3.8	Kerangka Teori	34
3.9	Justifikasi Pemilihan Teori	35
3.10	Jadual Pencerakinan Data	35
3.11	Jadual Analisis Data	36
3.12	Pemprosesan Data Kajian Berdasarkan Setiap Objektif	37
3.13	Kerangka Konseptual	39
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	40
4.1	Pengenalan	40
4.2	Pencerakinan Terhadap Jenis-jenis Retorik dalam Buku Ilmiah Berbahasa Melayu Terpilih	40
4.3	Penganalisan Jenis-jenis Retorik Berdasarkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown	44
4.3.1	Analisis Retorik Deskriptif dalam Buku Ilmiah <i>Pembangunan Kontemporari Orang Asli</i> (PKOA)	45
4.3.2	Analisis Retorik Eksposisi dalam Buku Ilmiah <i>Pembangunan Kontemporari Orang Asli</i> (PKOA)	53
4.3.3	Analisis Retorik Argumentatif dalam Buku Ilmiah <i>Pembangunan Kontemporari Orang Asli</i> (PKOA)	59
4.3.4	Analisis Retorik Persuasif dalam Buku Ilmiah <i>Pembangunan Kontemporari Orang Asli</i> (PKOA)	66
4.3.5	Analisis Retorik Deskriptif dalam Buku Ilmiah <i>Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia</i> (DKKPM)	68
4.3.6	Analisis Retorik Eksposisi dalam Buku Ilmiah <i>Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia</i> (DKKPM)	74
4.3.7	Analisis Retorik Argumentatif dalam Buku Ilmiah <i>Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia</i> (DKKPM)	77
4.3.8	Analisis Retorik Persuasif dalam Buku Ilmiah <i>Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia</i> (DKKPM)	84
4.4	Pengaplikasian Retorik Paling Dominan Sebagai Strategi Penulisan Buku Ilmiah Berbahasa Melayu	87

5	RUMUSAN DAN CADANGAN	90
5.1	Pengenalan	90
5.2	Rumusan Kajian	90
5.3	Kebaharuan	91
5.4	Cadangan dan Penambahbaikan	91
5.5	Penutup	91
	BIBLIOGRAFI	92
	LAMPIRAN	100
	BIODATA PELAJAR	136
	SENARAI PENERBITAN	137



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1.1	Senarai Keahlian Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)	10
3.1	Buku Ilmiah PKOA dikenalpasti dalam Katalog Penerbit UPM 2019	27
3.2	Buku Ilmiah DKKPM dikenalpasti dalam Senarai Buku Popular Katalog Penerbit UKM 2022	29
3.3	Ciri-ciri dan Konsep Retorik Moden	32
3.4	Jadual Pencerakinan Retorik dalam Buku Ilmiah PKOA	35
3.5	Jadual Pencerakinan Retorik dalam Buku Ilmiah DKKPM	36
3.6	Jadual Analisis Data Naratif	36
3.7	Jadual Analisis Data Deskriptif	36
3.8	Jadual Analisis Data Eksposisi	37
3.9	Jadual Analisis Data Argumentatif	37
3.10	Jadual Analisis Data Persuasif	37
4.1	Pengaplikasian Jenis-jenis Retorik dalam Buku Ilmiah <i>Pembangunan Kontemporari Orang Asli</i>	41
4.2	Pengaplikasian Jenis-jenis Retorik dalam Buku Ilmiah <i>Demokrasi Kepimpinan & Keselamatan dalam Politik Malaysia</i>	43
4.3	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	45
4.4	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	45
4.5	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	46
4.6	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	47
4.7	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	47
4.8	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	48
4.9	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	49

4.10	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	49
4.11	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	50
4.12	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	51
4.13	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	51
4.14	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam PKOA	52
4.15	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	53
4.16	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	53
4.17	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	54
4.18	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	55
4.19	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	55
4.20	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	56
4.21	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	57
4.22	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	57
4.23	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	58
4.24	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam PKOA	59
4.25	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	59
4.26	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	60
4.27	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	61
4.28	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	62
4.29	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	63
4.30	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	63
4.31	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	64
4.32	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	65
4.33	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam PKOA	65
4.34	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam PKOA	66

4.35	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam PKOA	67
4.36	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	68
4.37	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	68
4.38	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	69
4.39	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	70
4.40	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	70
4.41	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	71
4.42	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	71
4.43	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	72
4.44	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	73
4.45	Pengaplikasian Retorik Deskriptif dalam DKKPM	73
4.46	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam DKKPM	74
4.47	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam DKKPM	75
4.48	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam DKKPM	75
4.49	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam DKKPM	76
4.50	Pengaplikasian Retorik Eksposisi dalam DKKPM	76
4.51	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	77
4.52	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	78
4.53	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	79
4.54	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	79
4.55	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	80
4.56	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	81
4.57	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	81
4.58	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	82
4.59	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	83

4.60	Pengaplikasian Retorik Argumentatif dalam DKKPM	83
4.61	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam DKKPM	84
4.62	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam DKKPM	85
4.63	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam DKKPM	85
4.64	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam DKKPM	86
4.65	Pengaplikasian Retorik Persuasif dalam DKKPM	86



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Buku Ilmiah Berbahasa Melayu Pembangunan Kontemporari Orang Asli	6
1.2	Buku Ilmiah Berbahasa Melayu Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia	7
3.1	Teknik Pemilihan Sampel Bertujuan Buku Ilmiah Berbahasa Melayu	26
3.2	Jenis-jenis Retorik Berdasarkan Teori Retorik Moden (1993)	34
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	39
4.1	Peratusan Pengaplikasian Jenis-jenis Retorik dalam Sampel 1	87
4.2	Peratusan Pengaplikasian Jenis-jenis Retorik dalam Sampel 2	88

SENARAI SINGKATAN

MAPIM	Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia
PKOA	Pembangunan Kotamporari Orang Asli
DKKM	Demokrasi Kepimpinan & Keselamatan dalam Politik Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab pengenalan yang membincangkan maklumat latar belakang kajian yang dijalankan. Bab ini juga membincangkan pernyataan masalah, persoalan dan objektif kajian yang bertitik tolak daripada jurang penyelidikan yang terdapat dalam pernyataan masalah tersebut. Seterusnya, bab ini turut membincangkan kepentingan kajian kepada tiga pihak iaitu penulis, pembaca dan penerbit ahli MAPIM dan diikuti oleh batasan kajian. Akhir sekali, definisi operasional turut dinyatakan pada bahagian akhir bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Buku ilmiah merupakan cetusan daripada kajian yang dijalankan oleh penulis berdasarkan bidang kajiannya, kemudian hasil kajian tersebut dilaporkan dalam bentuk teks yang lebih kemas dan sistematik bagi tujuan perkongsian ilmu kepada golongan pembaca. Justeru buku ilmiah memerlukan retorik sebagai strategi penulisan untuk mengubah pendirian dan membuka minda pembaca agar menerima apa yang disampaikan oleh penulis dan menjadikan buku tersebut sebagai sebuah buku yang berkualiti. Seperti pandangan yang dikemukakan oleh Raminah Sabran (2002a) retorik amat penting kepada penulis untuk menterjemah idea dalam mutu penulisan yang baik.

Dalam konteks ini, penulis perlu peka tentang kecekapan pengaplikasian retorik. Hal ini merupakan suatu yang wajar kerana kemampuan penulis mengaplikasikan retorik dapat memandu kearah tujuan penulisan tersebut dibuat. Raminah Sabran (2002b) bersetuju menyatakan retorik sebagai seni yang dimiliki oleh penulis. Melalui retorik, beberapa tujuan penulisan seperti pendedahan, penghujahan, pemujukan, penceritaan mahupun gambaran dapat digarap dengan berkesan. Hal ini tidak terkecuali dalam penulisan buku ilmiah kerana kualiti buku ilmiah perlu diletakkan pada kemampuan penulis menyampaikan maklumat dengan berkesan.

Bertitik tolak daripada itu, retorik boleh menjadi strategi dalam penulisan buku ilmiah bagi memastikan ketepatan makna yang disampaikan menjamin kefahaman pembaca. Jelaslah seperti yang diperkatakan oleh Enos T. (2013) setiap bentuk penulisan perlu mempunyai retorik. Penulisan yang tidak disertakan dengan retorik akan melahirkan penulisan yang kurang berkualiti dan hambar (Horner & Lu, 2010; McCroskey, 2001).

Mus Chairil (2002) turut menegaskan bahawa:

“Setiap bentuk penulisan mempunyai alat yang membantu dan menghidupkan tulisan. Alat-alat ini tersirat dan hanya pembaca yang teliti sahaja dapat menangkap penggunaannya. Alat-alat ini mewarnakan tulisan itu, kadangkala, penggunaannya dapat dikatakan sebagai sebahagian daripada gaya penulisan seseorang”.

Seperti yang diperjelaskan sebelum ini, retorik boleh berperanan sebagai strategi penulisan buku ilmiah dan menjadi salah satu alat bantu penulis untuk menjelaskan maksud sesuatu penulisan itu dibuat. Menurut Zamimah Osman (2019) konsep penulisan ilmiah bukan sekadar proses fizikal yang mencatatkan apa yang digambarkan dalam fikiran ke dalam bentuk tulisan malah merupakan satu proses kreatif yang memerlukan intelektualisasi, penaakulan, penyusunan dan kreativiti agar pembaca dapat menghayati mesej yang disampaikan. Oleh itu, kepentingan retorik sebagai strategi penulisan buku ilmiah bukan sekadar seni tetapi berkait rapat dengan cara penyampaian pemikiran dan wacana yang berkesan melalui penulisan.

Menyedari hakikat ini, adalah wajar untuk pengkaji meneliti peranan retorik sebagai strategi penulisan yang menjadi elemen penting dalam penerbitan buku ilmiah. Tambahan pula, setiap penulis tentunya mempunyai strategi penulisan yang tersendiri. Bertitik tolak daripada itu juga, timbul persoalan bagaimana penulis menyampaikan maklumat dalam buku ilmiah dengan unsur kebahasaan yang jelas, padat, tepat dan mudah difahami. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaplikasian dan menganalisis retorik yang menjadi strategi penulisan buku ilmiah yang diterbitkan oleh penerbit ahli MAPIM.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam merungkai permasalahan yang timbul, pengkaji telah meneliti kembali kajian seumpama yang giat dijalankan oleh pengkaji tempatan dan luar negara seperti Azuan Yaakob & Zaitul Zainon Hamzah (2018) Zamimah Osman (2015), Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016), Asrul Azuan Mat Dehan (2016), John, E.J. (1965). Sungguhpun kajian yang dijalankan oleh para pengkaji ini memfokus kepada analisis retorik dalam pelbagai genre, namun masih kurang kajian tentang analisis retorik dalam buku ilmiah berbahasa Melayu. Hal ini secara langsung memperlihatkan kelompangan yang wujud dalam bidang retorik dan perlu diteroka secara menyeluruh.

Bertitik tolak daripada itu, peranan retorik dalam penulisan ilmiah dilihat semakin kurang diberi perhatian dan seakan terpinggir jika dibandingkan dengan genre penulisan kreatif. Lantaran itu, selain aspek keintelektualan menjadi keutamaan dalam penulisan buku ilmiah, keberkesanan penulisan juga perlu diambil kira untuk memastikan pembaca jelas akan maksud yang disampaikan oleh penulis. Namun, realiti yang berlaku ialah kelemahan penulis menonjolkan pengaplikasian retorik telah mengganggu elemen penting dalam penerbitan buku ilmiah (Zamimah Osman, 2019). Hal ini mengagalkan peranan utama penerbitan buku ilmiah sebagai saluran penyampaian maklumat untuk melahirkan pembaca berpengetahuan. Oleh itu, kajian tentang retorik perlu diteroka untuk melihat pengaplikasian retorik oleh penulis buku ilmiah.

Dalam pada itu, Mior Kamarul Shahid (2015) dalam kenyataannya bersetuju bahawa penulis yang tidak menitikberatkan penggunaan bahasa yang berkesan akan kehilangan pengaruh dalam penulisan. Pandangan ini mengambil kira permasalahan yang timbul iaitu buku ilmiah dikatakan mempunyai penulisan yang tidak komunikatif (Azuwan Yaakob, 2018). Hal ini kerana, corak penulisan yang hambar dianggap gagal berperanan sebagai bahasa yang bersifat fungsional dalam memberi hujah dan mengemukakan sokongan hujah dengan bernas selain menimbulkan kesan yang mendalam dalam penulisan buku ilmiah (Azuwan Yaakob, 2008). Keadaan ini dilihat telah menghasilkan penulisan yang tidak berkualiti kepada golongan pembaca. Justeru kajian ini akan menganalisis secara teliti tentang penulisan buku ilmiah untuk memberi pemahaman yang khusus kepada pembaca terhadap pengaplikasian retorik berdasarkan jenis-jenisnya.

Sementara itu, gaya penulisan buku ilmiah yang saintifik dan jargon tidak menarik kegairahan membaca golongan sasaran (Rosfaa Hashim 2011). Hal ini sedemikian kerana, penulis lebih terdorong untuk meletakkan nilai kesarjanaan yang tinggi dalam penulisan buku ilmiah sehingga penulisan tersebut dilihat tidak mempunyai seni yang bervariasi dalam menyampaikan maklumat sekali gus menjadikan penulisan tersebut membosankan serta sukar difahami. Sharil Nizam (2010) dalam hal ini menyatakan penggunaan bahasa yang segar berupaya menghasilkan penulisan yang berpengaruh, diminati, dan difahami oleh pembaca. Sehubungan itu, pengaplikasian retorik dapat dirumuskan sebagai strategi penulisan buku ilmiah melalui teknik penulisan yang pelbagai untuk menjamin keberkesanan penulis menginterpretasikan kepelbagaian bidang ilmu.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah diatas, beberapa persoalan kajian telah dibentuk untuk dibincangkan dan dihuraikan agar objektif kajian dapat dijawab. Persoalan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Apakah jenis-jenis retorik yang terdapat dalam buku ilmiah berbahasa Melayu terpilih?
- ii. Bagaimanakah retorik dalam buku ilmiah berbahasa Melayu dapat dianalisis berdasarkan jenis-jenisnya dengan menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993)?
- iii. Bagaimanakah retorik dalam buku ilmiah berbahasa Melayu dirumus menjadi strategi penulisan buku ilmiah terbitan ahli MAPIM?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini memfokus kepada tiga objektif berikut:

- 1.5.1 Mengenal pasti jenis-jenis retorik yang terdapat dalam buku ilmiah berbahasa Melayu terpilih.
- 1.5.2 Menganalisis penggunaan retorik dalam buku ilmiah berbahasa Melayu terpilih menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993).
- 1.5.3 Merumuskan retorik yang dominan dalam buku ilmiah berbahasa Melayu sebagai kebaruan dalam strategi penulisan buku ilmiah.

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini akan menghuraikan (3) pihak yang diberi perhatian iaitu penulis, pembaca dan penerbit yang bernaung sebagai ahli MAPIM, Ketiga-tiga impak kepada pihak ini dilihat dapat menjustifikasikan secara menyeluruh pentingnya kajian ini dijalankan.

1.6.1 Penulis

Penelitian terhadap retorik sebagai strategi penulisan buku ilmiah penting bagi memahami ruang lingkup peranan seorang penulis, terutamanya untuk menilai fungsi buku ilmiah sebagai produk pengembangan kesarjanaan kepada pembaca. Lantaran itu, kepentingan kajian ini dilihat menjadi asas kepada kajian-kajian seumpama yang terlebih terdahulu dijalankan iaitu untuk memberi

kefahaman mendalam kepada penulis dalam usaha menghasilkan penulisan yang berkualiti dalam proses penghasilan buku ilmiah.

Dalam hal ini Azuwan Yaakob (2008) menyatakan bahawa penulisan perlu terhasil daripada jalinan pelbagai unsur bahasa pada tingkat yang berbeza dan ditandai oleh keteraturan fikiran. Kenyataan ini mempunyai hubung kait yang amat rapat dengan keperluan penulis untuk memahami konsep penulisan buku ilmiah. Menyedari hakikat ini, penulis perlu terlebih dahulu jelas terhadap peranan retorik sebagai strategi menulis yang perlu dipraktikkan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memperkukuhkan kefahaman penulis dengan memberi penjelasan terhadap peranan retorik sebagai strategi penulis menggunakan bahasa secara berkesan untuk mempengaruhi fikiran, sikap dan pendirian pembaca terhadap penulisan buku yang ingin diterbitkan.

1.6.2 Pembaca

Sementara itu, kupasan kajian ini jelas memberi impak dalam kalangan pembaca buku ilmiah berbahasa Melayu secara keseluruhannya di Malaysia dengan menjadi panduan ke atas pemilihan buku ilmiah yang berkualiti. Jeniri Amir (2006) melontarkan pandangannya terhadap ciri-ciri penulisan yang baik akan berupaya mempersembahkan gagasan idea yang didasari dengan kemampuan membuat pembentukan ayat yang baik sama ada menggunakan ayat yang panjang atau pendek, namun tidak mengganggu proses pemahaman pembaca.

Sehubungan itu, kupasan analisis kajian ini yang berfokus kepada Teori Retorik Moden (1993) berupaya mendedahkan pembaca dengan kecekapan dan kemahiran penulis buku ilmiah menyelitkan elemen retorik berdasarkan tanggapan dan tafsiran penulis untuk membantu pemahaman pembaca mereka. Arba'ie Sujud (2010) turut menekankan bahawa pembaca tidak selamanya memahami karya yang dibacanya itu, malah pembaca akan mempunyai penilaiannya yang tersendiri, sama ada penilaian positif ataupun negatif. Sesuatu penilaian positif akan terhasil apabila penulis berjaya mempengaruhi minda dan pembacaan pembaca melalui penggunaan bahasa yang baik. Kesannya, pembaca dididik dengan penilaian terhadap peranan ilmu retorik dalam menghasilkan sesebuah penulisan ilmiah berkualiti. Pemahaman inilah menjadi panduan kepada pembaca untuk memilih buku ilmiah yang menyampaikan inti pati kandungannya dengan jelas.

1.6.3 Ahli MAPIM

Sementara itu, kajian ini dapat menjadi kayu ukur kepada penerbit-penerbit universiti tempatan dan pusat-pusat penyelidikan yang bernaung sebagai ahli MAPIM untuk menyediakan satu garis panduan terhadap penerbitan buku ilmiah

berbahasa Melayu khususnya yang memfokus kepada aspek bahasa. Melalui garis paduan yang disediakan akan membantu pihak penerbit mendapatkan manuskrip yang mencapai standard penulisan buku ilmiah yang membawa kebolehfahaman pembaca. Hal ini secara tidak langsung dapat meminimalkan proses penyuntingan di peringkat editorial. Hamed Adnan (2001) senada dalam memperihalkan perkara ini dengan berpandangan bahawa penerbit buku ilmiah merupakan badan yang berorientasikan penyebaran ilmu dengan bertanggung jawab memastikan kebutuhan golongan pembaca dapat dipenuhi melalui proses kepengarangan.


Oleh hal yang demikian, bahasalah yang perlu menjadi elemen asas kepada kejayaan sesebuah penerbit ini. Justeru ahli MAPIM perlu mengambil kira penekanan terhadap retorik sebagai strategi dalam penulisan agar menjadi aspek penentu dalam menjamin pembentukan pemahaman pembaca buku ilmiah. Menyedari hakikat ini, dengan memberi perhatian terhadap kualiti penulisan dan keberkesanan maklumat yang disampaikan oleh penulis, buku ilmiah dapat menjadi produk penyampaian ilmu kepada pembaca dengan berkesan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini membataskan penelitian terhadap dua buah buku ilmiah berbahasa Melayu terbitan ahli MAPIM iaitu *Pembangunan Kontemporari Orang Asli* terbitan Penerbit UPM dan *Demokrasi Kepimpinan & Keselamatan dalam Politik Malaysia* terbitan Penerbit UKM. Pemilihan terhadap dua buah buku ini bersandarkan beberapa pertimbangan yang bersesuaian dengan objektif dan keperluan kajian. Kedua-dua buah buku ilmiah ini mempunyai keistimewaan tersendiri antaranya pernah memenangi Anugerah Buku Negara pada tahun 2019 dan mendapat sambutan yang tinggi dalam kalangan pembaca kerana telah diulang cetak sebanyak empat kali.



Rajah 1.1 : Buku Ilmiah Berbahasa Melayu Pembangunan Kontemporari Orang Asli



Rajah 1.2 : Buku Ilmiah Berbahasa Melayu Demokrasi Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia

Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 diatas ialah muka hadapan buku ilmiah berbahasa Melayu yang dipilih sebagai bahan kajian ini. Sehubungan dengan itu, pengkaji hanya memfokus terhadap aspek yang ingin dikaji bagi memahami secara mendalam tentang pengaplikasian retorik oleh kedua-dua penulis buku ini (Hery Kristanto, 2018). Sebanyak 7 Bab dipilih mewakili 14 Bab yang terkandung di dalam buku PKOA dan sebanyak 5 Bab mewakili 10 Bab yang terkandung di dalam buku DKKPM. Pemilihan ini telah memadai untuk pengkaji merumuskan retorik yang dominan diaplikasikan oleh penulis sebagai strategi penulisan kedua-dua buah buku ilmiah tersebut.

1.8 Definisi Operasional

Setiap penggunaan istilah dalam tajuk kajian membawa makna tersendiri. Lantaran itu, pengkaji telah mendefinisikan beberapa istilah penting yang membawa gambaran awal tentang kajian ini. Oleh itu, definisi operasional dalam kajian ini ialah retorik, strategi penulisan, dan ahli MAPIM. Lanjutan itu, pengkaji juga menyatakan beberapa pandangan sarjana untuk mengukuhkan pendefinisian operasional terhadap fokus kajian ini.

1.8.1 Retorik

Kajian ini mengangkat istilah retorik sebagai seni berbahasa yang digunakan oleh penulis dalam menjelaskan kandungan penulisan buku ilmiah berbahasa Melayu. Retorik boleh digunakan oleh penulis dengan tujuan menceritakan, mendedahkan, menghujahkan, memujuk atau menggambarkan bagi menyampaikan maklumat dengan berkesan.

Merujuk Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) retorik didefinisikan sebagai seni pemakaian bahasa secara berkesan dalam pengarang atau pertuturan. Seperti yang dijelaskan oleh Amida Hamid (2015) bahasa merupakan sebahagian daripada retorik yang membawa lambang bunyi suara dalam lingkungan kelompok manusia antara seorang individu dengan individu yang lain. Dalam konteks ini, intipati bahasalah berperanan sebagai medium pemberi atau penyampai maklumat untuk menyempurnakan proses retorik tersebut. Sonja A. Foss (2004) turut memberi penjelasan terhadap retorik sebagai proses bagaimana manusia menggunakan simbol dalam bahasa untuk menyampaikan maklumat kepada manusia lain secara berkesan.

Kenyataan Aristotle dalam *The Rethoric* berbunyi "...the faculty of observing in any given case the available means persuasion". Terjemahannya mendukung maksud retorik sebagai sebuah fakulti yang memerhati apa jua keadaan didalamnya yang mengandungi pujukan. Kenyataan ini menggambarkan pendapat retorik yang diberikan oleh Asmah Omar (2006) dengan menyatakan retorik mengandungi aspek yang perlu diberi perhatian iaitu gaya bahasa yang indah serta pemilihan kata dan ayat yang sesuai dengan konteks. Jelaslah retorik ialah aktiviti yang menggunakan pelbagai unsur untuk meningkatkan kesan bahasa berdasarkan tema dan konteks (Khoo, 2004).

Seterusnya, Aristotle (1959) mengklasifikasikan retorik sebagai suatu yang bersifat sejagat kerana retorik boleh mencetuskan pengaruh-pengaruh yang positif berbanding negatif. Hal ini dikatakan seumpama kerana retorik mempunyai ciri dialetik dan logik. Pendapat Aristotle ini menegaskan pandangannya terhadap retorik sebagai suatu seni yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, pendapat tentang retorik ini mempunyai percanggahan dengan segelintir ahli bahasa seperti Plato (428-348 SM) yang mendialogkan retorik dalam karyanya *Gorgias* sebagai suatu yang tidak dicetuskan oleh moral dan boleh disalahgunakan untuk tujuan negatif. Pendapat Plato ini senada dengan Isocrates yang bersetuju bahawa retorik bukanlah sebahagian daripada seni berbahasa kerana tidak berhubung rapat dengan ilmu pengetahuan.

Seiring perkembangan bidang retorik pada zaman pembaharuan, beberapa tokoh bahasa menyumbang idea dan kepakaran mengembangkan bidang retorik. Antara mereka ialah Francois Bacon, George Campbell, Richard Whately dan Hugh Blair. Kepercayaan mereka sependapat terhadap retorik zaman moden yang memberi laluan kepada sifat baharu yang lebih imaginatif dalam bentuk ayat dan bentuk kepengarangannya yang menonjolkan proses penulisan dengan lebih rinci. Hal ini dilihat selari dengan pendapat Raja Mashitah (2007) apabila mengemukakan retorik sebagai penggunaan simbol tertentu bagi mencapai matlamat tertentu menggunakan huraian bahasa yang jelas. Lim Kim Hui dan Har Wai Mun (2007) juga mempunyai pandangan yang sama tentang retorik sebagai kepintaran memilih bahasa dengan teliti mengikut

fungsi atau tujuan tertentu dalam menyampaikan sesuatu maklumat secara tepat, jelas dan menarik.

1.8.2 Strategi Penulisan

Strategi penulisan dalam kajian ini memberi penjelasan terhadap tindakan penulis buku ilmiah berbahasa Melayu mengatur gagasan fikiran atau idea dalam bentuk catatan kepada pembaca dalam aspek penggunaan kata dan pembentukan ayat sehingga tercapainya tujuan penulisan itu dibuat.

Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) menggariskan strategi penulisan sebagai kegiatan disebalik aktiviti menulis iaitu seperti mengarang, mencatat, merekod dan lain-lain dengan tujuan membuat pindaan daripada tafsiran akal kepada sebuah bentuk tulisan dengan susunan yang terancang dan sistematik. Seperti yang ditafsirkan oleh Za'ba (1965) tentang takrifan strategi penulisan sebagai sebuah pekerjaan menyusun perkataan dengan susunan yang elok untuk menggambarkan sesuatu fikiran atau sesuatu kisah cerita supaya dapat difahamkan oleh orang-orang lain apabila didengar atau dibaca susunan itu. Sulaiman Masri dan Razali Ayob (2002) memberi peluasan makna terhadap strategi penulisan terbentuk daripada hasil himpunan pelbagai ciri kebahasaan seperti perkataan, rangkai kata, klausa dan ayat yang kemudiannya disusun menjadi suatu perenggan dan akhirnya membentuk sebuah wacana.

Berhubung dengan itu, Awang Sariyan (2012) pula, memberi takrifan penulisan sebagai sesuatu yang merujuk kepada pengolahan gagasan atau pemikiran dan juga proses mekanis yang melibatkan penguasaan alat dan teknik untuk mengungkapkan gagasan atau pemikiran. Perihal ini dipersetujui dengan pandangan Raminah Sabran (1989) dalam menjelaskan strategi penulisan merupakan kemahiran menulis tertinggi yang memerlukan seseorang itu menerapkan beberapa subkemahiran, seperti kemahiran mengenal dan menulis huruf-huruf dalam suatu himpunan perkataan, frasa, atau ayat yang mengikut sistem tulisan dan sistem ejaan yang telah ditentukan oleh sesuatu bahasa. Walau bagaimanapun, Sulaiman Masri (1983) menekankan strategi penulisan perlu memastikan wujudnya kesinambungan antara isi-isi rencana dengan idea yang ingin dikemukakan kerana kesinambungan itu diibaratkan seperti jambatan yang akan menghubungkan penulis dan pembaca.

Seterusnya, sarjana yang bernama Horton, P.B. & Chester, L.H. (1988) juga telah mentafsirkan strategi penulisan ialah mengatur "bagaimana akal berfikir". Disebalik tafsiran itu, beliau ingin menyatakan bahawa penulisan diumpamakan seperti mencatatkan perkara-perkara di atas kertas iaitu apa yang membolehkan penulis berpegang kepada satu idea sementara anda terus meneroka beberapa idea yang diruntuti oleh suara kecil di sebalik pemikiran anda, yang mungkin bersangkutan dengannya. Dalam konteks ini, tujuan utama

strategi dalam penulisan haruslah tidak meminggirkan tujuan asalnya untuk memberitahu, menghibur, mendidik atau menyakinkan pembaca (Andi Baso Mappatoto, 1994).

1.8.3 Ahli MAPIM

MAPIM merupakan singkatan kepada Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia iaitu sebuah badan yang bergiat aktif dalam pembangunan bidang penerbitan ilmiah dan saintifik. Ahlinya terdiri daripada semua penerbit Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), pusat penyelidikan di Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Berdasarkan laman web rasmi Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), sebanyak (33) penerbit yang telah didaftarkan sebagai ahli MAPIM. Bagi memahami ahli MAPIM dengan lebih jelas, kesemua keaggotaan MAPIM disenaraikan seperti berikut:

Jadual 1.1 : Senarai Keahlian Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Ahli MAPIM	
1.	Penerbit Universiti Malaya (UM)
2.	Penerbit Universiti Sains Malaysia (USM)
3.	Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4.	Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM)
5.	Penerbit Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6.	Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7.	Penerbit Universiti Utara Malaysia (UUM)
8.	Penerbit Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
9.	Penerbit Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10.	Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
11.	Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12.	Penerbit Universiti Teknologi Mara (UiTM)
13.	Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14.	Penerbit Universiti Tun Hussein Onn (UTHM)
15.	Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP)
16.	Penerbit Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
17.	Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
18.	Penerbit Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
19.	Penerbit Universiti Pertahanan Nasional (UPNM)
20.	Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)
21.	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
22.	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
23.	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
24.	Institut Aminuddin Baki (IAB)
25.	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
26.	Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
27.	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
28.	Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
29.	Penerbit Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
30.	Penerbit Institut Integriti Malaysia
31.	Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)
32.	Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM)
33.	Penerbit Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)

Dalam kajian ini, ahli MAPIM merujuk kepada pihak penerbitan yang menerbitkan buku ilmiah berbahasa Melayu yang menjadi bahan kajian pengkaji. Dua penerbit tersebut merupakan Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kedua-dua penerbit ini dipilih mewakili keseluruhan keahlian ahli MAPIM yang disenaraikan.

1.9 Kesimpulan

Bab ini telah menjelaskan tentang pengenalan dan latar belakang kajian serta pernyataan masalah yang dikaji. Selain itu, bab ini juga membincangkan pembinaan persoalan dan objektif kajian. Seterusnya, bab ini juga telah membincangkan bagaimana kajian yang dilakukan ini memberikan manfaat kepada (3) pihak yang dapat membantu menambah baik bidang penerbitan. Penjelasan tentang skop kajian serta definisi istilah yang digunakan secara operasional juga telah diperincikan untuk pemahaman pembaca.

BIBLIOGRAFI

- Awang Saryan. (2012). Menggarap Isu Martabat Bahasa Melayu, Masalah Dan Langkah Mendepaninya. *Forum Sofa Putih ITBN*. Anjuran Institut Terjemahan Buku dan Buku Malaysia. Kuala Lumpur: Pesta Buku Antarabangsa.
- Abraham, K. (2011). A Study On Consumer Behaviour (With Reference to V.B Factors). *International Journal of Enterprise Computing and Business Systems*, 1 (2) 1-19.
- Achmad S. R. (2010). *Sistem Manajemen Kinerja*. Jakarta: PT Gramedia.
- Asmah Hj Omar (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan, Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atar Semi (2007). *Dasar- Dasar Keterampilan Menulis*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Asmah Haji Omar (2006). *Panduan wacana akademik: Teori dan penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Abd Hamid, Halimah Ma'alip, Palima Atoma, Sanitah Yusof, Sofri Ibrahim, Yusof Boon ... Zainudin Hassan (2001). *Pengenalan kepada Penulisan Ilmiah*. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azuwan Yaakob. (2018). Penerapan Retorik dalam Penyampaian Ceramah Agama. *Jurnal Linguistik*, 1 (22) 054-067.
- Asrul Mat Dehan & Azuwan Yaakob (2017). Penerapan Retorik Gaya Skema dalam Pengkaryaan Novel Salina. *Journal of Business and Social Dvelopment*, 5 (1) 60-78.
- Asmah Hj Omar (1988). *Bahasa Iklan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik Kewartawanan Melayu Akhbar Berita Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aristotle. (1959). *The Art of Rhetoric*. (Terj. John Henry Freese). London: William Heinemann Ltd.
- Arba'ie Sujud. (2010). Perpaduan Masyarakat dalam Genre Sastera dari Perspektif Sosiolinguistik. In. Mohd Sharifudin Yusof, Arba'ie Sujud & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Eds.), *Penyelidikan Linguistik Bahasa dan Budaya: Pemupukan Perpaduan* (pp.402-411). Serdang. Universiti Putra Malaysia.

- Amida Abdul Hamid. (2015). *Retorik yang Indah Itu Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abidin Zainal (2013). *Pengantar Retorika*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Andi Baso Mappatoto. (1994). *Teknik penulisan Feature* (karangan khas). Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods. 3rd Edition*. New York: Oxford University Press.
- Brooks, C. & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric Modern (4th ed.)*. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Chai Nyun Chow (2020). *Penggunaan Retorik dalam Ucapan Politik Tun Mahathir Bin Mohamad Pasca Kemenangan Pakatan Harapan*. [Tesis Master yang Tidak Diterbitkan]. Universiti Malaysia Sarawak.
- Creswell, J.W & Poth, C.N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches (4th ed.)*. Los Angeles: SAGE Publications.
- Campbell, G. (2001). *Some Definitions of Rhetoric*. Stamford: Stamford University Press.
- Corbett, E. P.J. & Connors, R.J. (1971). *Classical Rhetoric for The Modern Student (2nd ed)*. New York: Oxford University Press.
- Dhanik Sulistyarini & Anna Gustina (2020). *Buku Ajar Retorika*. Banten: CV. AA. Rizky.
- Dixon, P. (1991) *Retorik*. (Terj. Ismail Hamzah Nasution.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enos, T. (2013). *Encyclopedia of rhetoric and composition: Communication from ancient times to the information age*. New York: Routledge.
- Edy Susetyo (2009). *Menulis Akademik*. Bengkulu: FKIP UNIB Press.
- Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi & Nazirah Hassan (2020). *Penulisan Tesis: Kajian Kualitatif dan Kuantitatif*. Bangi: Penerbit UKM.
- Farhana Low Abdullah (2018). *Akal Budi dalam Sastera Rakyat Naratif dan Bukan Naratif. Pulau Pinang*: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Fromilhague, C. (1995). *Les Figures de Style*. France: Armand Colin Publishing.
- Gentasari Anwar (2003). *Teknik dan Seni Berpidato: Retorika Praktis*. Jakarta: PT Rineka Cipta.

- Garrison, D. (2000). Theoretical Challenges for Distance Education in the 21st century: A Shift from Sctructural to Transactional Issues. *International Review of Research in Open and Distance Learning*, 1 (1) 1-17.
- John E. J. (1965). *Using Rethoric*. New York: Harpec and Row Publisher.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamed Adnan (2001). Penggunaan Laman Web oleh Penerbit Universiti di Malaysia Sebagai Strategi dalam Pemasaran Penerbitan Ilmiah. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 14 (1) 93-105.
- Horner, B., & Lu, M. Z. (2010). Working rhetoric and composition. *College English Journal*, 72 (5), 470-494.
- Husna Mansor (2018). Retorik Pemerian dalam Ceramah Agama. *International Journal of the World and Civilisation*, 6 (2) 29-38.
- Hery Kristanto (2018). *Metodologi Penelitian Pedoman Penulisan Karya Tulis Ilmiah*. Yogyakarta: Penerbit Deepublish.
- Noor Hisham Baharom (2016). Kajian Kepimpinan dan Strategi Retorik: *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 5 (3) 2-23.
- Husna Abdul Razak (2011). Retorik dalam Iklan Produk Kesihatan. [Tesis Master, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository (UPMIR) <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/20363/>.
- Hsieh, H.F. & Shannon, S.E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitatif Health Research*, 15 (9) 1277-1288.
- Hallahan, K. (1999). Seven models of Framing: Implications for Public Relations. *Journal of Public Relations Research*, 11(3), 205-242.
- Horton, P. B. & Chester, L.H. (1988). *Sosiology*. Suffolk: Mc Graw Hill.
- Ida Putrayasa (2012). *Jenis Kalimat Dalam Bahasa Indonesia*. Bandung: Bandung: PT. Refika Aditama.
- Jeniri Amir (2009). *Buat Duit dengan Menulis*. Kuala Lumpur: Penerbit PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jeniri Amir. (2006). *Belajar Menjadi Wartawan*. Bukit Tinggi: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Jeniri Amir (2005). *Buat Duit dengan Menulis (Edisi Kedua)*. Penerbit PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Krueger, R. & Casey, A. (2019) *Focus Group Interviewing and Data Analysis*. California: SAGE Publishing.
- Kosasih, E. (2016). *Jenis – Jenis Teks (Analisis Fungsi, Struktur, dan Kaidah serta Langkah Penulisannya)*. Bandung: Yrama Wisya.
- Kim, W.C. & Mauborgne, R. (2005). *Blue Ocean Strategy: How to Create Uncontested Market Space and Make Competition Irrelevant*. Cambridge: Harvard Business School Press.
- Khoo, N. (2004). Rhetoric vs. Reality: ASEAN's Clouded Future. *Georgetown Journal of International Affairs*, 5 (2) 49-58.
- Keraf, G. (1982). *Deskripsi dan Eksposisi*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Liamputtong, P. (2020). *Qualitative Research Methods*. Victoria: Oxford University Press.
- Lim Kim Hui & Har Wai Mun (2007). *Jaringan Bahasa, Logik, Retorik, dan Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Terj. Azhar M. Simin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lundquist, D.O. (1983). *L'Analyse Textuelle: Methode, Exercices*. Paris: Centro Difusor De Cultura.
- Mazlan & Zaitul Azma (2016). Retorik Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Dalam Laporan Media Cetak. *Jurnal Linguistik*, 20 (1) 10- 25.
- Mus Chairil Samani. (2002). *Penulisan Rencana Berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Muhtadin (2017). Struktur Retorika dan Fitur Linguistik Bagian Pendahuluan Artikel Jurnal Penelitian Berbahasa Indonesia Bidang Ilmu Hukum. *Kembara*, 3 (2) 234-242.
- Mior Kamarul Shahid. (2015, Mei). Bahasa: Sejauh Manakah Media Peduli? *Dewan Bahasa*, 15 (3), 8-10.
- McCroskey, J. C. (2001). *An introduction to rhetorical communication*. (9th ed.) Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Nurulain Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh (2016). Retorik Naratif dalam Novel "Orang Kota Bharu". *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*. 4 (2) 13-22.
- Nugroho, R.B. (2016). *E-Commerce Teori dan Implementasi*. Yogyakarta: Penerbit Ekuilibria.

- Nugroho, R.B. (2015). *Perilaku Konsumen*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Norida Berhan & Zulkifley Hamid. (2012). Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa. *Jurnal Linguistik*, 15 (1) 1-16.
- Ni Mirahayuni (2001). Investigating Textual Structure in Native and Non- Native English Research Articles: Strategy Differences between English and Indonesian. *TEFLIN Journal*, 8 (1), 22-55.
- Pye, C.L. (2020) *Documenting The Acquisition of Indigenous languages*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Paimah Atoma (2004). Gaya persembahan dan kemahiran penulisan. *Jurnal Kemanusiaan*, 1 (3)18-26.
- Ming, T.L. & Ching, H.C (2009). Rhetorical Strategies in Chinese and English: A Comparison of L1 Composition Textbooks. *Foreign Language Annals*. 42 (4) 43-50.
- Marican. S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Mikrajuddin Abdullah (2004). *Menembus Jurnal Ilmiah Nasional & Internasional. Petunjuk Ringkas: Dari Penulisan Paper hingga Koreksi Proof*. Jakarta: Gramedia.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Moeliono, A. M. (1989). *Kembara Bahasa: Kumpulan Karangan Tersebar*. Jakarta: Gramedia.
- Noor Aina Dani. (2007). *Pengantar Psikolinguistik*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Noor Azam Mahat. (1997). *Bahasa dalam Uslub Dakwah: Analisis Wacana Khutbah dari Perspektif Retorik*. [Latihan Ilmiah Tidak Diterbitkan]. Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Paramaswari Jaganathan (2014). Rhetorical Syllogism in the English and the German Language of Automobile Advertising. *Journal of Languages Studies*, 14 (1) 151-169.
- Rasid Jamian, Nadiah Razali & Shamsudin Othman (2016). Pengaplikasian Teknik Didik Hibur Meningkatkan Pencapaian Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41 (1) 39-45.

- Raja Mashitah (2007). *Retorik Politik, Kata-kata Sakti Pemujukan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raminah Sabran a. (2002, November). Retorik Pendedahan dan Penghujahan. *Pelita Bahasa* 14 (11), 42-43.
- Raminah Sabran b. (2002, Disember). Retorik pemujukan dan Pemerian. *Pelita Bahasa*, 14 (11), 42.
- Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ruminah Sabran (1989). *Kecekapan Berkomunikasi dalam Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Rosfaa Hashim. (2011). Perkembangan Jurnal Ilmiah Melayu dalam kalangan Melayu watan. *Jurnal Melayu*, (6) 137-152.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007, Januari). *Dewan Bahasa. Retorik Politik Kata-kata Sakti Pemujukan*. 24-26.
- Sharil Nizam, Ashri Ismail & Viviekananda N. Marie (2016). Retorik dalam Risalah Makanan Segera di Seksyen 7, Shah Alam Selangor. *Jurnal Kesidang*, (1) 102-127.
- Sharil Nizam Sha'ri (2010). *Aplikasi Teori dan Format Penyuntingan Bahan Linear dalam Surat Khabar Bahasa Melayu*. Tesis Foktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Safnil Arsyad (2009). Rhetorical Structure Analysis of the Indonesian Research Articles. [Tesis PhD yang tidak diterbitkan]. The Australian National University, Canberra. Australia.
- Safnil Arsyad (2010). *Pengantar Analisis Retorika Teks*. Bengkulu: Perpustakaan Nasional RI.
- Sobariah Baharum (2008). *Retorik dalam Novel-novel Abdullah Hassain*. [Tesis PhD yang Tidak Diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Sonja A. Foss. (2004). *Theory of Visual Rhetoric*. Denver: University Press of Colorado.
- Suparno Mohd Yunus. (2009). *Keterampilan Dasar Menulis*. Jakarta: Universitas Terbuka.
- Sulaiman Masri & Razali Ayob. (2002). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan Berita, Rencana dan Ulasan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Sperber, D. & Wilson, D. (1993). *Linguistic form and Relevance*. New York: Wiley Publishing.
- Spangler, W.D. & Woycke, J. (1991). Personality and Charisma in the U.S. Presidency: *A psychological Theory of Leader Effectiveness*. *Administrative Science Quarterly*, 36 (3) 364–396.
- Sulaiman Masri. (1983). *Penulisan Berita dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Steinmann, Jr. M. (1958). *Words in Action: A Rhetoric- Reader*. United State: University Minnesota.
- Taylor, S.J., dan Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings* (Edisi Kedua). New York: John Wiley & Sons.
- Tarigan, H.G. (1985). *Pengajaran Gaya. Bandung*. Bandung: Angkasa Bandung.
- Tarigan, H.G. (2008). *Membaca Sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung. Angkasa.
- Wong Shia Ho (2013). Bahasa Figuratif sebagai Wahana Pemikiran: Satu Analisis Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13 (1), 39-63.
- Weimer, D.L & Vining, A.R. (2017). *Policy Analysis: Concepts and Practise*. (6th ed.) New York: Routledge.
- Wedhawati Seopomo (2007). *Wacana Naratif dalam Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Balai Bahasa Yogyakarta.
- Weber, R. (2004). The Rhetoric of Positivism Versus Interpretivism: A Personal View. *Journal of Management Information Systems*, 28 (1) 3-6.
- Yakub Nasucha (2019). Analisis Kesalahan Penggunaan Kosakata Bahasa Baku Dalam Menulis Karangan Deskripsi Siswa Kelas VII SMP Negeri 3 Sawit Boyolal. *Jurnal Penelitian Humaniora*, 14 (1) 25-40.
- Yuenti Sova Puspidalia (2015). Argumen dalam Karya Ilmiah Dosen Pada Jurnal Terakreditasi Al-TahrirStain Ponorogo Berdasarkan Teori Penalaran Model Toulmin. *Jurnal Ilmiah Widya Warta*, 2 (1). 285-296.
- Zifirdaus Adnan (2009). Some Potential Problems for Research Articles Written by Indonesian Academics when Submitted to International English Language Journals. *The Asian EFL Journal Quarterly*. (11) (1), 126-149.

- Zamimah Osman (2020a). Pola dan Potensi Penerbitan Berbahasa Melayu Dalam Indeks Scopus. *Jurnal Pendeta*, (11) 85-95.
- Zamimah Osman & Nuraini Yusoff (2020b). Pola dan Potensi Penerbitan Berbahasa Melayu dalam Indeks Scopus. *PENDETA*, 11(2), 85-96.
- Zamimah Osman (2019) Retorik Penulisan Ilmiah: Penilaian Berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 9 (1) 69-83.
- Zamimah Osman, Fazliyaton Ismail & Nuraini Yusoff (2017). Retorik dalam Pengucapan Strategi Lautan Biru. *Journal on Leadership & Policy*, 6 (3) 109-129.
- Zoriati Osman (2005). Retorik Pujukan: Kajian Kes Ceramah Haji Hadi Awang. [Tesis Master, Universiti Malaya]. Student's Repository <http://studentsrepo.um.edu.my/2482/>.
- Zainal Abidin. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.